



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

MANFAAT GERAN SEPADAN SIMPAN SSPN PRIME UKIR SENYUMAN SEORANG BAPA

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada hari ini melalui Program Sinar Kasih telah menyerahkan manfaat Geran Sepadan yang merupakan salah satu keistimewaan produk Simpan SSPN Prime kepada seorang pendeposit di kediaman beliau di Pasir Gudang, Johor. Pelaksanaan program ini adalah sebagai salah satu usaha PTPTN untuk memperkasakan hebahan mengenai keistimewaan produk Simpan SSPN Prime dalam membantu meringankan beban golongan yang memerlukan. Sesi penyerahan telah disempurnakan oleh Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN. Turut hadir Puan Mazni binti Ruslan, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Johor.

2. Encik Shah Hirunizam bin Kadir, 45 tahun bekerja sebagai seorang jurukimpal di sebuah syarikat swasta dikurniakan tujuh (7) orang anak. Beliau seorang bapa yang sangat mementingkan pendidikan dan masa depan anak-anak dengan membuat perancangan kewangan sejak awal usia anak-anak beliau. Beliau merupakan pendeposit Simpan SSPN Prime yang telah membuka akaun pada 21 September 2005 untuk dua (2) orang anak beliau. Hasil simpanan beliau melalui Simpan SSPN Prime ternyata mampu mengukir senyuman seorang bapa apabila menerima pemberian Geran Sepadan secara percuma berjumlah lebih sembilan ribu ringgit. Pemberian Geran Sepadan ini digunakan untuk pembiayaan kos pendidikan anak kedua beliau, Aisyah binti Shah Hirunizam, 18 tahun bagi melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) peringkat Asasi dalam jurusan Sains Pertanian.

3. "Inilah salah satu keistimewaan Simpan SSPN Prime yang sangat menarik iaitu pemberian Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 untuk keluarga yang layak. Geran Sepadan adalah insentif kewangan yang ditawarkan kepada pendeposit

yang berpendapatan tidak melebihi RM4,000 sebulan apabila penerima manfaat iaitu anak-anak mendaftar masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh kerajaan. Ini juga salah satu usaha kerajaan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah menikmati manfaat penabungan yang berganda," jelas Ketua Eksekutif PTPTN.

4. PTPTN telah mewujudkan instrumen simpanan melalui Simpan SSPN sebagai platform terbaik untuk menggalakkan masyarakat membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan tinggi. Selain daripada pemberian Geran Sepadan, Simpan SSPN turut menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat untuk masyarakat Malaysia antaranya pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, patuh syariah dan dijamin oleh kerajaan.
5. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha membantu ibu bapa dan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke IPTA sekali gus komited memastikan tiada lagi pelajar yang tercincir ke IPTA kerana masalah kewangan. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperoleh melalui portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.